



Gelora

Noraishah Mostapa

Panduan Pengajaran dan Pembelajaran

Gelora

Noraishah Mostapa

PENGENALAN

Disenaraikan di bawah ini adalah saranan-saranan aktiviti pembelajaran untuk mencapai objektif pembelajaran yang dirancang dalam kelas Bahasa Melayu dengan pelibatan aktif para pelajar mengupas cerpen Gelora di samping mempertingkatkan penguasaan Bahasa Melayu mereka. Dalam aktiviti yang disarankan juga, pelajar berpeluang berbincang dan menyampaikan pandangan serta pemikiran kritis mereka. Proses pembelajaran yang digunakan ialah

Pembelajaran berasaskan pengalaman (*Experiential Learning*). Di samping itu, disuntik elemen Didik Hibur (*Fun Learning*) agar pembelajaran lebih menyeronokkan.

OBJEKTIF PELAJARAN	Pada akhir pelajaran, pelajar dapat (2-3 objektif) <ul style="list-style-type: none">• meningkatkan imaginasi pelajar• menambah keseronokan membaca• meningkatkan kecekapan berbahasa
---------------------------	---

LANGKAH-LANGKAH PELAJARAN

LANGKAH 1 (Pembelajaran SLS @ HBL)

- Guru membina pelajaran menggunakan platform SLS.
- Guru memberikan tugas dalam SLS dan meminta pelajar membaca cerpen pdF ‘Gelora’ secara kendiri dalam talian.
- Guru menyediakan beberapa soalan respons bebas dan pelajar memberikan pandangan tentang cerpen ‘Gelora’ berdasarkan soalan 3-2-1 yang diberikan dalam SLS.
 - (3 Nilai Moral / pengajaran yang terdapat dalam cerpen ‘Gelora’;

- 2 watak yang memberi kesan kepada kamu. Mengapa?;
 - bahagian cerpen ‘Gelora’ yang ingin kamu tukar.)
- Guru meminta pelajar menyenaraikan isu-isu 5K yang dikemukakan dalam cerpen ‘Gelora’ iaitu:
 - Kendiri - Tanggungjawab sebagai Remaja dan sayang diri sendiri;
 - Keluarga - masalah keluarga;
 - Kawan - kepentingan memilih kawan ; Kesan Pengaruh Kawan;
 - Komuniti - Kehidupan remaja dalam masyarakat; dan
 - Ke dunia global - remaja menjelajah dunia.
- Guru meminta pelajar meneliti pandangan yang diberikan oleh rakan-rakan dan kemudian memberikan refleksi tentang cerpen ‘Gelora’ berdasarkan Strategi J.A.M.P.I (Jalur Plot , Aksi Watak Protoganis dan Antoganis, Menariknya Isi, Perkara 10P dan Isu yang diketengahkan dalam cerpen itu)
- Guru meminta pelajar menganalisis cerpen ‘Gelora’ melalui Strategi 10P (Pengajaran, Pengalaman dan lain-lain lagi)

LANGKAH 2 (Pembelajaran Secara Bersemuka)

Langkah 1: Pembentukan Kumpulan Rumah

- Guru membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan kecil yang terdiri daripada 4 pelajar bagi setiap kumpulan. Inilah kumpulan rumah. Dalam setiap kumpulan, setiap pelajar diberikan huruf yang berlainan: A, B, C atau D. Setiap seorang menerima bahagian lampiran yang guru sediakan berasarkan elemen sastera yang khusus.
 - A - Kaji Watak
 - B - Kaji Plot
 - C - Kaji Bahasa
 - D - Kaji Nilai Pengajaran

Langkah 2: Pembentukan Kumpulan Pakar

- Pelajar meninggalkan ‘Kumpulan Rumah’ mereka dan membentuk sekumpulan tidak lebih daripada 4 orang, dengan pelajar daripada kumpulan lain yang diberikan huruf yang sama. Ertinya, pelajar yang mendapat huruf A akan berkumpul untuk membentuk sebuah ‘Kumpulan Pakar’. Tugas Kumpulan Pakar adalah belajar bahagian-bahagian mereka dengan baik dan bersedia untuk mengajar pelajar lain apabila mereka kembali ke ‘Kumpulan Rumah’. Guru akan menentukan had masa untuk setiap segmen. Contoh 15 minit.

Langkah 3: Kumpulan Pakar mengajar Kumpulan Rumah

Pelajar kembali ke Kumpulan Rumah masing-masing. Bermula dengan pelajar A, setiap pelajar mempunyai 3 minit mengajar bahagian jigsaw yang ada padanya kepada ahli-ahli Kumpulan Rumah yang lain. Pelajar harus mengajar, dan bukan membaca lampiran. Had masa yang disyorkan untuk segmen ini ialah 15 minit.

Langkah 4: Penyiapan Tugas oleh Kumpulan Rumah

- Kumpulan Rumah akan menyatukan maklumat yang telah mereka kumpulkan dan menyelesaikan tugas yang diberikan. Had masa yang diberikan untuk segmen ini ialah 25 minit. (Lihat Lampiran 2 mengenai maklumat bagi Kumpulan Pakar)
- Setelah itu, setiap kumpulan membuat pembentangan secara berkumpulan. (Lihat Lampiran 3 mengenai kerja kumpulan)
- Guru merumuskan pelajaran dan meminta pelajar menjawab ‘Tiga Soalan Perbincangan’ yang terdapat dalam Panduan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Antologi Janji bagi cerpen ‘Gelora’ sebagai tugas lanjutan.

Lampiran 1:

Nota : Sebelum memperkenalkan Cerpen ‘Gelora’.

Beri Lampiran 1 untuk mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar,

Borang Remunungan

3 buku cerita yang pernah kamu baca semasa kecil.

2 cerita yang pernah kamu dengar (dari ibu bapa,guru, kawan)

1 buku / cerita yang paling kamu suka. Mengapa ?




☺ Sekian ☺

Nama pelajar: _____ Cg Aishah Kelas: _____ 1

Lampiran 2:Templat Jadual Perbincangan

Soalan A (Kaji WATAK)	Soalan B (Kaji PLOT)	Soalan 3 (Kaji BAHASA)	Soalan 4 (Kaji NILAI Pengajaran)

Lampiran 3: Tema, Mesej dan Isu Masyarakat

G E L O R A		
Tema	Mesej utama Cerpen	isu-isu Masyarakat
		

Lampiran 4: Templat tugasan (Projek AA)

SEKOLAH MENENGAH MERIDIAN
PROJEK MINI INTERPRETASI ARTISTIK 2021



Objektif:

Melalui projek mini ini, kami berharap dapat

- mendedahkan pelajar kepada CERPEN/ NOVEL dengan cara yang inovatif.
- menggalakkan pelajar memahami dan menghayati CERPEN/NOVEL pilihan yang diberi dan menterjemahkan ‘pemahaman’ mereka terhadap puisi secara kreatif
- mengenali penulis CERPEN / NOVEL dengan lebih dekat.

Maklumat Projek

Tarikh : _____

Masa : Waktu Kurikulum (Minggu Apresiasi Buku)

PROJEK 1 (50%)

- Aktiviti melukis bermula selama 1 jam (2 period)

Syarat Projek Mini No. 1

1. Cerpen akan diberikan 2 minggu lebih awal.
2. Peserta harus membawa bahan lukisan sendiri kerana hanya kertas lukisan bersaiz A3 akan diberi. Sebarang bahan lukisan yang sesuai boleh digunakan. Harap ambil kira sama ada bahan yang digunakan cepat kering.
3. Pelajar melukiskan babak atau watak yang terdapat dalam cerpen ‘Gelora’

PROJEK 2 (50%)

1. Secara kreatif, pelajar boleh menghayati cerpen tersebut dan memikirkan cara kreatif bagi membuat interpretasi cerpen yang diberi.
2. Pilih → Karang Lirik Lagu , Nyanyikan Lagu , Lakonkan babak cerpen @ Drama, TikTok, dan sebagainya.
3. Interpretasi harus bersesuaian dengan tema cerpen Gelora.

Penilaian Hasil Projek

Perkara-perkara berikut akan diberi perhatian

- Kesesuaian interpretasi cerpen	40%
- Kreativiti yang dipamerkan	40%
- Keaslian/originaliti	20%

RINGKASAN CERPEN ‘GELORA’

Arahan: Bina ringkasan cerpen dengan menggunakan maklumat yang dikongsi oleh ahli Kumpulan Pakar. Panjang ringkasan cerpen kamu tidak melebihi 80 perkataan.



SOALAN PERBINCANGAN

1. Jelasnyakan mesej utama yang ingin disampaikan oleh penulis dalam cerpen ‘Gelora’. Mengapakah kamu berpandangan demikian?
2. Berikan pandangan kamu mengenai watak utama (Nur Insyirah Nadhirah Binte Hamdani) dan watak-watak sampingan (Diana, Zakiah, Abah , Mak dan sebagainya) dalam cerpen ini.
3. Bincangkan pengajaran yang boleh dipelajari daripada cerpen ‘Gelora’.

SOALAN JENIS SASTERA

1. ‘Gelora ’ memaparkan watak-watak yang mencermin masalah atau isu yang dihadapi para remaja. Sejauh manakah penulis berjaya mengetengahkan perkara ini.
2. Kupas ‘plot’ cerpen ‘Gelora’. Berikan penilaian kamu mengenai plot yang digunakan oleh penulis.

EHWAL SEMASA

Manusia sering berhadapan dengan pelbagai masalah, cabaran dan ketidakpastian termasuk para remaja dalam kehidupan. Bincangkan antara masalah yang sering dihadapi oleh para remaja masa kini. Bincangkan juga langkah-langkah yang sesuai untuk menghuraikan masalah atau cabaran yang dihadapi dalam kehidupan.